

09/09/1998

PM ada bukti kukuh (HL)

Ebi Azly Abdullah; Ahmad Burak; Shamshul Azree Shamshir
KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau mempunyai bukti yang kukuh mengenai salah laku Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga dipecat daripada Kabinet dan Umno, minggu lalu.

Menurut Perdana Menteri, tindakan memecat Anwar itu diambil semata-mata kerana faktor moral, bukannya perselisihan faham mereka mengenai ekonomi negara atau politik.

"Mengenai apa yang beliau percaya, iaitu dia dipecat kerana berhasrat menentang saya, saya berasa bahawa saya boleh mempertahankan diri saya.

"Dalam isu perbezaan mengenai ekonomi, saya menerima sokongan jelas dan saya yakin boleh memujuk beliau menerima pandangan saya, dan cara saya melaksanakannya.

"Tetapi dakwaan terhadap perkara yang lagi satu itu, saya tidak boleh terima ... parti tidak boleh terima, negara ini tidak boleh terima," katanya dalam sidang akhbar selepas memberi penjelasan kepada perwakilan Umno bahagian, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang ini.

Anwar dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lalu serta dipecat daripada Umno keesokannya.

Satu affidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi di sini Khamis lalu, antara lain mendakwa beliau melakukan hubungan homoseksual, seks dengan wanita pelbagai bangsa dan cuba memikat isteri orang.

Ditanya sama ada beliau amat yakin dengan bukti itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menegaskan, cukup baginya untuk menjelaskan bahawa Anwar tidak lagi sesuai dan ia tidak membabitkan isu politik langsung.

Mengenai kemungkinan beliau menjelaskan perkara itu kepada rakyat, Dr Mahathir berkata ia tidak perlu kerana masyarakat akan menerimanya dalam tempoh masa tertentu.

"Saya tidak berbuat demikian (memecat) kepada seseorang yang saya bawa naik untuk menggantikan saya sendiri. Mengapa harus saya lakukan perkara ini kepada beliau.

"Tetapi dakwaan berkenaan amat sukar untuk dijelaskan dan amat sukar bagi orang ramai menerimanya. Latar belakang Anwar sebagai seorang yang warak, amat baik. Saya seharusnya mencari alasan lain, tetapi malangnya tidak ada penjelasan lain," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau kecewa dengan perkara yang berlaku itu kerana sudah merancang untuk bersara tahun ini, dan mahu melepaskan jawatan itu kepada Anwar.

"Tahun lalu saya pergi bercuti untuk memberi peluang kepada Anwar mengetuai negara, dan jika tidak kerana masalah ekonomi, saya sudah melepaskan jawatan itu.

"Malangnya, saya terpaksa kekal untuk memberikan pengalaman saya bagi mencari penyelesaian terhadap masalah itu," katanya.

Sebelum itu, menjawab soalan pemberita selepas menyampaikan ucapan pada persidangan Dwi-tahunan Persatuan Pengurusan dan Pentadbiran Awam Komanwel di Bangi pagi ini, Dr Mahathir menjelaskan, keputusan memecat Anwar daripada Kabinet dan Umno dibuat kerana masalah peribadi bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Saya tak fikir rakyat Malaysia mahu seseorang yang mempunyai moral begitu rendah yang terbabit dengan kegiatan yang tidak sepatutnya membabitkan seorang pemimpin di peringkat itu," katanya.

Sambil menegaskan Anwar tidak dihalang untuk bergerak dan bebas

melakukan apa sahaja, Perdana Menteri bagaimanapun mempersoalkan hasrat bekas timbalannya itu untuk menjelajah ke seluruh negara bagi menjelaskan isu pemecatan berkenaan.

Kepada soalan daripada wartawan Taiwan sama ada pemecatan itu memberi kesan kepada keselamatan, Perdana Menteri yakin ia tidak akan menimbulkan sebarang kekacauan di negara ini.

Menurutnya, rakyat negara ini berdisiplin dan sukakan keamanan.

Selepas pemecatan Anwar, pasaran saham mencatat pertumbuhan yang menggalakkan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan akan mengkaji kesan daripada gerakan reformasi itu sebelum bertindak.

Menurut Perdana Menteri, Anwar sedang cuba sedaya upaya untuk memaksa pihak berkuasa menahannya supaya beliau boleh menjadi wira rakyat.

"Dengan menahan beliau, media asing akan menyiarkan macam-macam mengenai kerajaan autoritarian di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir turut membidas Anwar kerana cuba menarik penyertaan pelajar universiti dalam gerakan reformasinya.

"Anda boleh membawa masuk pelajar ini dan memaksa mereka melakukan pelbagai perkara, tetapi mereka bukan mewakili masyarakat umum.

"Rakyat mesti memberi sokongan secara sukarela. Apabila anda pergi dan mengambil pelajar universiti, saya fikir anda sudah bankrap," katanya.

Mengenai pembabitan pertumbuhan bukan kerajaan dalam gerakan itu, Perdana Menteri berkata: "Kerja dia macam tu, tak ada apa."

(END)